

26/05/1997

Suluh Peraba: Komen Azizi makin tercabar

Al Azzharri Siddiq Al Bugisi

TERDAPAT dua isu yang menarik kebelakangan ini, iaitu ucapan Datuk Hassan Ahmad mengenai sikap orang Melayu yang meminggirkan kedudukan bahasa Melayu di negara sendiri, dan kritik Azizi Abdullah terhadap novel Suluh Peraba karya Rahman Shaari.

Namun, nampaknya isu kedua lebih menarik kerana ia mengundang polemik terbaru dalam arena sastera Melayu ketika ini. Azizi mahupun Rahman punya nama yang sudah mantap dalam bidang sastera.

Soalnya, kenapa Azizi buat bising? Kebisingan itu sendiri menjadi perang yang menarik bukan saja buat Rahman, tetapi juga pengkritik dan peminat sastera tanah air.

Azizi berasa Rahman yang ada nama besar itu harus berasa malu dengan karya seperti Suluh Peraba, kononnya hanya orang sepertinya saja layak menulis novel sedemikian rupa?

Begitu rendah nilai yang diberi Azizi? Seperti dijangka, Rahman tidak boleh berdiam diri apabila turut sama mempersoal (barang kali memperkecilkan juga) watak Tuk Ya dan Tuk Cai.

Kalau benar kata R Zamri (Berita Harian, 7 April 1997) bahawa Azizi mungkin tidak membaca karya Rahman dengan baik, sehingga dia membuat kesimpulan yang terbalik daripada kenyataan, saya fikir Azizi perlu kembali ke landasan kritikan sastera yang sebenarnya.

Dia harus kembali menjadi pembaca yang teliti seperti Datuk A Samad Said, sasterawan negara yang tidak membenarkan kesalahan hatta salah ejaan pun. Setidak-tidaknya seperti bacaan yang dibuat sasterawan prolific Zaharah Nawawi.

Novel Seorang Tua Dikaki Gunung sangat sinomi dengan ketokohan Azizi, merayapi pelusuk minda seorang tua terhadap pokok besar yang tua. Zaman mengoreksi persoalan orang tua dan pokok besar barang kali sangat dihormati 30 tahun dahulu, tetapi tidak lagi untuk dekad awal dan akhir 1990-an ini.

Barang kali di sini Azizi rasa tercabar, apatah lagi kejayaan Rahman menerobos dunia tahyul dan hantu hasil dalam masa kecanggihan teknologi maklumat kini.

Rahman mempunyai kesedaran tinggi terhadap perkara yang berlaku 'di sebalik tabir' orang Melayu khususnya. Orang Jepun sudah bersedia dengan strategi menghadapi alaf baru dan zaman siber.

Kita masih baru untuk bercakap mengenai multimedia koridor raya misalnya, iaitu hanya selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkannya awal puasa dahulu.

Kepemimpinan negara bercakap tentang multimedia koridor raya, tetapi masih ada segelintir rakyatnya yang bercakap tentang hantu purdah. Bukankah akauntibiliti Rahman terserlah di sini.

Azizi sebagaimana kita tahu sangat akrab dengan politik sebelah sana khususnya. Satu contoh beliau seperti mengasingkan diri. Barang kali politik sebelah sana nampak tidak membawa apa-apa kepentingan moral, memaksa sekali lagi untuk beliau membuat porak peranda mengkritik Suluh Peraba dan Hantu Bulan Puasa.

Rahman sudahpun menjawab kritikan Azizi (Berita Minggu, 6 April 1997), seperti juga tulisan Azizi, kedua-duanya sudah terpapar di akhbar dan menjadi hak pembaca.

Implikasinya jelas, Azizi mula rasa tercabar. Azizi hanya ada dua pilihan, sama ada meneruskan melukis watak tua seperti Tukcai dan Tukya

atau kembali ke dalam dirinya sendiri.

Mengkritik `kasar' Suluh Peraba, seolah-olah mengkritik renaissances dalam dunia sastera Melayu kini. Orang muda di dalam era sastera moden kini tidak lagi mahu dimomok dogma usang, seperti orang tua pasif, pokok tua, jampi mentera dan serapah ataupun rokok daun kering.

Azizi perlu menjawab amarah seperti ini, supaya kritikkannya itu ada harga untuk dihormati.

Komen R Azmi (Berita Harian 7 April 1997): "Jika terbukti dia menulis mengenai orang secara tergesa-gesa dan tidak memasukkan ilmu di dalam tulisannya itu, rasa hormat orang kepada diri dan karyanya yang lepas akan berkurangan dan seterusnya luput."

Azizi sudah mewarnai dunia sastera kita, punya nama yang sohor dalam bidang cerpen dan novel. Sebagai novelis yang ramai pengikutnya, Azizi perlu menjelaskan bukti bahawa Suluh Peraba dan penulisnya sendiri tidak bermutu.

Apakah Azizi sedang mencipta establiment dan mafianya sendiri, sebagaimana kata Mohd Nazar Said (Berita Harian, 20 Januari 1997).

Kalau benar, siapakah pengikutnya? Apakah akan muncul pengikutnya yang bakal mempertahankan kritikkannya itu?

(END)